

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik terkini kes masalah sosial seperti kes pembuangan bayi, kes penderaan kanak-kanak dan lain-lain kes yang kian meningkat mengikut negeri, serta apakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula dan memperkenalkan kaedah pencegahan atau kesedaran yang lebih berkesan seiring dengan perkembangan teknologi zaman kini yang lebih dekat dengan jiwa anak muda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik terkini yang direkodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dari Januari hingga Mac 2019 bagi bilangan kes penderaan kanak-kanak adalah sebanyak 1,623 kes dan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Kes
Selangor	429
Kuala Lumpur	342
Kedah	159
Sabah	125
Perak	109
Pulau Pinang	107
Pahang	96
Johor	75
Terengganu	35
Kelantan	33
Negeri Sembilan	31
Sarawak	24
Putrajaya	10
Perlis	7

Tiga (3) buah negeri yang mempunyai bilangan kes penderaan kanak-kanak yang tinggi ialah Selangor, Kuala Lumpur dan Kedah.

SOALAN NO. 7

Manakala statistik terkini Polis DiRaja Malaysia (PDRM) bagi kes buang bayi dari Januari hingga Ogos 2019 adalah sebanyak 92 kes dan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Kes
Selangor	20
Johor	15
Kuala Lumpur	13
Perak	7
Kedah	6
Sabah	5
Pahang	5
Pulau Pinang	4
Melaka	4
Kelantan	4
Terengganu	4
Sarawak	4
Negeri Sembilan	1
Perlis	0

Tiga (3) buah negeri yang mempunyai bilangan kes buang bayi yang tinggi ialah Selangor, Johor dan Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu-isu penderaan kanak-kanak dan buang bayi, Kementerian telah melaksanakan beberapa program yang seiring dengan perkembangan teknologi zaman kini bagi tujuan pencegahan serta kesedaran kepada keluarga, kanak-kanak dan orang awam.

Antara program-program yang telah dan sedang dilaksanakan bagi menangani isu penderaan kanak-kanak dan buang bayi seperti berikut:

- Inisiatif oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) iaitu melalui **Pusat Remaja KafeTEEN** – seramai 2,061 remaja telah mendaftar sebagai ahli sahabat KafeTEEN bagi tempoh Julai hingga September 2019. Manakala jumlah lawatan ulangan remaja didapati meningkat 34% (5,061 remaja) berbanding tahun 2018 iaitu 3,356 orang. Daripada jumlah ahli sahabat

SOALAN NO. 7

KafeTEEN tersebut, seramai 524 remaja mendapat perkhidmatan kesihatan reproduktif, 226 remaja mendapat kaunseling sosial, 28,240 remaja mengikuti program pendidikan dan kemahiran dan 42 remaja yang ada hubungan seksual tanpa berkahwin telah melalui saringan kesihatan;

- LPPKN juga mengadakan **Program Pendidikan Keselamatan Keluarga (PEKA)** – kesedaran murid-murid sekolah mengenai keselamatan siber, pornografi kanak-kanak dan penyantunan seksual. Statistik bagi tahun 2017 hingga Jun 2019 seramai 400 orang jurulatih modul ini telah dilatih melibatkan pengasuh dan guru pra sekolah KEMAS dan JPNIN. Sebanyak 208 program telah dilaksanakan pada tahun 2017 hingga Jun 2019 di 6 negeri terpilih dengan anggaran 6,763 orang ibu bapa yang mendapat manfaat kesedaran dan pengetahuan tentang keselamatan anak-anak mereka;
- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut mempunyai **Program Sahabat Bijak “Safe and Protect”** – yang menekankan keselamatan dan perlindungan kanak-kanak telah dilaksanakan melalui kerjasama pelbagai agensi di kawasan perkarangan sekolah bagi murid sekolah rendah dan menengah, ibu bapa, guru-guru, Persatuan Ibumama dan Guru dan komuniti setempat. Dari tahun 2014 hingga Ogos 2019, sebanyak 337 buah sekolah dan 76,229 murid sekolah telah menyertai program Sahabat Bijak.

Selain itu, terdapat inisiatif-inisiatif terbaru yang sesuai dengan perkembangan teknologi zaman sekarang dan dekat dengan jiwa anak muda, iaitu:

Isu Pembuangan Bayi

- Kerjasama bersama PLUS Highways dengan memasang poster di tandas awam di 22 buah R&R seluruh negara. Kempen ini dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 27 Jun 2019 di R&R Dengkil (Arah Selatan);
- Kempen *#savealife* yang telah dilancarkan pada 30 Ogos 2019 bertempat di Sunway Pyramid;

SOALAN NO. 7

- Kerjasama bersama TGV Cinema bagi menayangkan video pendek kempen pencegahan buang bayi dan “Kami Sedia Membantu” yang dipaparkan sebelum filem ditayangkan. Video kempen ini disediakan dengan kerjasama FINAS dan ditayangkan di 35 lokasi TGV Cinemas seluruh negara melibatkan 282 panggung wayang (kecuali filem untuk kanak-kanak);
- Kementerian juga bekerjasama dengan Google Malaysia bagi menayangkan lima (5) buah video pendidikan seksual mengenai sentuhan selamat dan sentuhan tidak selamat di *YouTube (Safe Touch and Bad Touch)*. Statistik video di *YouTube* pada 21 Jun 2019 hingga 4 Oktober 2019 adalah sebanyak 2.79 juta *views* dan sebanyak 6.25 juta *Impression*. Manakala dari segi *view rate* adalah sebanyak 43% serta sebanyak 67,000 *clicks, share dan likes*;
- Kerjasama dengan *Big Pharmacy* dengan mempamerkan poster dan menayangkan video kempen pencegahan buang bayi di 50 buah *Big Pharmacy* di seluruh negara; dan
- Kempen pendidikan dan pencegahan buang bayi ini turut juga dipasang dan boleh diakses melalui *bus wrap advertising*, papan tanda (*billboard*) dan temu bual di radio dan televisyen.

Isu Penderaan Kanak-Kanak

- Sistem Semakan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak dalam Daftar Kanak-Kanak. Mengikut statistik pada 1 April 2019 hingga 30 September 2019 sebanyak 134 permohonan daripada individu dan pelbagai agensi terutamanya yang berkaitan dengan penjagaan dan pendidikan kanak-kanak dengan sejumlah 2,147 orang kakitangan sedia ada dan bakal pekerja telah dibuat saringan;
- Menyediakan dan menyebarkan Senarai Semak/Panduan (Infografik) kepada ibubapa dan penjaga supaya dapat memilih pengasuh sesuai demi keselamatan penjagaan bayi atau kanak-kanak serta mengenali tanda-tanda penderaan; dan
- Kerjasama dengan pihak TNB bagi inisiatif pemberian diskaun 20% diadakan bagi tujuan meningkatkan pendaftaran, mengurangkan kos pengoperasian TASKA yang berkuat kuasa mulai 1 November 2019 hingga 31 Disember 2020 di Semenanjung membolehkan pemantauan oleh JKM bagi kebajikan dan keselamatan kanak-

SOALAN NO. 7

kanak. Manakala bagi negeri Sabah dan Sarawak perbincangan dengan syarikat tenaga akan diadakan agar diskaun ini turut dinikmati oleh pengusaha taska di dua buah negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Talian Kasih

Bagi memantapkan perlindungan, kesedaran dan pencegahan isu penderaan dan pembuangan bayi, Kementerian dalam melaksanakan program-program seperti mana dinyatakan juga menguar-uarkan serta memperluaskan liputan perkhidmatan Talian Kasih 15999 supaya kanak-kanak serta orang ramai dapat menggunakan perkhidmatan disediakan bagi membuat pertanyaan mengenai perkhidmatan agensi di bawah kementerian ini atau agensi lain, aduan, laporan penderaan, perkhidmatan kaunseling atau perkhidmatan sokongan sosial yang lain. Mengikut statistik pada Mei 2015 hingga 30 Jun 2019, jumlah panggilan ke Talian Kasih adalah 20,360 panggilan. Daripada jumlah tersebut, kategori kes panggilan tertinggi bagi tempoh tersebut bagi agensi di bawah KPWKM ialah kes penderaan kanak (4,606 kes), diikuti oleh keganasan rumah tangga (2,930 kes), status permohonan bantuan (1,545 kes) dan pertanyaan reproduksi manusia (1,003 kes).